

# Pakar tolak teori portal antarabangsa

» **Dakwa 5,000 bateri litium punca pesawat meletup sebelum hilang**

Oleh Petah Wazzan Iskandar  
wazzan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**akar penerbangan menolak teori sebuah portal antarabangsa yang mendakwa muatan 5,000 bateri litium di dalam pesawat MH370 menjadi punca pesawat terbabit meletup sebelum hilang.

Bekas Ketua Jabatan Aeroang-

kasa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata ia hanya teori yang boleh dipertikaikan kerana tidak mempunyai fakta kukuh terutama apabila ia dikaitkan dengan sejumlah besar bateri lithium.

Katanya, larangan membawa bateri lithium dalam kuantiti yang besar sudah dikuatkuaskan sejak beberapa tahun lalu selepas kejadian kebakaran bahan terbabit dalam kargo sebuah pesawat di negara Arab.

“Ia berkemungkinan boleh berlaku tetapi pada peringkat ini, ia masih teori yang tidak tepat dan tersasar daripada fakta yang kukuh. Teori sebegini malah boleh dikemukakan oleh sesiapa saja.



“Selagi pesawat atau serpihan-nya tidak ditemui, maka tiada fakta yang kukuh boleh dikaitkan dengan teori yang pada peringkat ini.

“Tiada asas maka saya sendiri menolak teori bateri lithium kerana ia tersasar,” katanya yang dihubungi BH di sini, semalam.

## Ulas laporan ABC 10News

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan *International Business Times* yang memetik ABC 10News, video ujian yang dikeluarkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat, baru-baru ini, membawa kepada spekulasi bateri lithium.

Dalam video berkenaan, Pendadiran Penerbangan Persekutuan

dilaporkan menjalankan ujian yang menunjukkan bagaimana pesawat penerbangan komersial mudah terdedah kepada kebakaran atau letupan disebabkan oleh bateri lithium yang disimpan dalam kargo penerbangan.

Ahmad Samsuri berkata, sudah pasti pelbagai teori akan wujud daripada pelbagai pihak hatta insiden pesawat MH17 pun, masih belum mempunyai jawapan yang konkret, biarpun komponen dan serpihannya ditemui, manakala ia sudah berlanjutan beberapa bulan.

“Teori akan kekal sebagai teori apabila ia tidak didatangkan dengan fakta dan data yang kukuh. Dalam perkara sedemikian, setiap pihak perlu berhati-hati apatah lagi ia membabitkan pesawat MH370,” katanya.

“*Ia berkemungkinan boleh berlaku tetapi pada peringkat ini, ia masih teori yang tidak tepat dan tersasar daripada fakta yang kukuh. Teori sebegini malah boleh dikemukakan oleh sesiapa saja*”

**Ahmad Samsuri Mokhtar,**  
Bekas Ketua Jabatan  
Aeroangkasa UPM